



Kenapa BARISAN NASIONAL Perlu Menang PRU-13



DR. NIK YAHYA AB. RAHMAN

95



KENAPA BARISAN NASIONAL Perlu Menang PRU-13

Laword - Pm!





KENAPA BARISAN NASIONAL Perlu Menang PRU-13

DR. NIK YAHYA BIN ABD RAHMAN



PUSTAKA PERDANA



1012283

**Thinker's
LIBRARY**

Judul

KENAPA BARISAN NASIONAL PERLU MENANG PRU-13

Penulis

DR. NIK YAHYA BIN ABD RAHMAN

© 2011 Hakcipta Terpelihara oleh

THINKER'S LIBRARY SDN. BHD.

Diterbitkan oleh

THINKER'S LIBRARY SDN BHD

(Co. No. 110008-D)

123, Jalan Jasa Tiga, Taman Jasa

Sungai Tua, 68100 Batu Caves,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: (603) 6189 7570 Fax: (603) 6187 8525

E-mail: thinkers_library@yahoo.com

Cetakan Pertama

ISBN 978-967-69-0786-8

Dicetak oleh:

LARIS RESOURCES SDN. BHD. (554858 V)

No. 36, Jalan PBS 14/10, Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan Selangor.

KANDUNGAN

Prakata	vii
• Debat Rakyat Pertama	1
• Debat Rakyat Kedua	13
• Debat Rakyat Ketiga	37
• Debat Rakyat Keempat	57
• Debat Rakyat Kelima	157
• Debat Rakyat Keenam	223



PRAKATA

“Kenapa Barisan Nasional Perlu Menang PRU-13”, adalah sebuah prediksi berasaskan fakta dan kemelut politik semasa terhadap keputusan pilihanraya ke 13 dimana, semua sebab-sebab kenapa BN pasti menang pilihanraya ke 13 ini dikupas bagi tujuan memberi peluang kepada pengundi-pengundi menggunakan buku ini sebagai rujukan bagaimana membuat pilihan yang tepat pada pilihanraya ke 13 kelak. Buku komprehensif ini mencakupi pelbagai pandangan serta memuatkan jawapan-jawapan kepada semua isu-isu dalaman dan luaran yang dibawa oleh pihak pembangkang yang pasti memberi impak besar kepada para pengundi muda khususnya dan masyarakat umum, amnya.

Pendekatan berdasarkan kaedah ‘Factor Rating’ digunapakai di dalam membuat analisa terhadap semua parti-parti politik utama di Malaysia. Empat piawai digunapakai di dalam menganalisa setiap parti politik iaitu:

- a) Konsisten
- b) Pembangunan Berterusan
- c) Kesejahteraan
- d) Pembetulan Dalaman

Keempat-empat kriteria ini juga sudah mencukupi bagi memberi satu jawapan yang terperinci tentang apakah sumbangan sesebuah parti politik di Malaysia di dalam menjaga hak-hak serta kepentingan-kepentingan rakyat berbilang kaum, bangsa dan suku etnik di Malaysia?

Penerangan tentang Dasar-Dasar Kerajaan Barisan Nasional daripada tahun 1957 sehingga 2011 juga dimuatkan agar menjadi bukti tentang kesungguhan serta iltizam Kerajaan Barisan Nasional merangka rancangan-rancangan jangka pendek serta jangka panjang dan statistik kesan-kesan perancangan tersebut kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

Kaedah SWOT Analysis dimana di tempat-tempat yang bersesuaian dibincangkan Strength (Kekuatan), Weaknesses (Kelemahan), Opportunity (Peluang) dan Threat (Ancaman) diterangkan dan diselit dengan fakta-fakta yang jelas serta rapi. Buku ini boleh dijadikan “Hand-Book” bagi petugas – petugas jentera-jentera pilihanraya bagi menghadapi rakyat yang memerlukan penjelasan yang mudah tetapi tepat berkenaan dengan apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum membuat keputusan untuk menunaikan tanggung-jawab di dalam latihan demokrasi di pusat-pusat pengundian.

Satu ciri buku ini adalah selain daripada fakta-fakta yang dikemukakan, Debat Rakyat adalah bahagian dimana contoh-contoh senario berlatarbelakangkan kemelut politik semasa dikarang dalam bentuk skrip dimana terdapat perbincangan serta debat-debat antara penyokong-penyokong kerajaan dengan penyokong-penyokong pembangkang ditulis dengan gaya bersahaja agar diambil pelajaran dan pengajaran daripada Debat Rakyat ini.

Akhir kata dari pihak penerbit, penulis, petugas-petugas penyelidikan serta pihak-pihak yang membantu menjayakan

projek buku ini, sekalung penghargaan dan terima-kasih ikhlas kami panjatkan. Inilah sumbangan kami sebagai rakyat Malaysia di dalam menyedarkan rakyat Malaysia sekalian bahawa kita harus menghargai, menjaga serta bersyukur dengan nikmat-nikmat yang telah diberikan oleh Allah S.W.T kepada kita semua dimana di negara kita ini, ada kemakmuran, keamanan serta segala bentuk nikmat yang kita kecapai jika kita bandingkan dengan apa yang terpaksa dilalui oleh warga-warga negara lain dimana negara mereka huru hara disebabkan tiada kestabilan politik.

Demi perpaduan rakyat berbilang bangsa dan agama, Salam 1Malaysia dan Undilah Barisan Nasional. Insya Allah dalam pilihanraya yang ke 13 akan datang, seluruh Rakyat Malaysia akan kembali bersama-sama mengundi Barisan Kepimpinan Barisan Nasional.

Sekian, terima-kasih.

Dr. Nik Yahya bin Abd Rahman

Ketua Penyelidik Projek Buku

“Kenapa Barisan Nasional Perlu Menang PRU-13”



DEBAT RAKYAT PERTAMA

LATAR BELAKANG KOTA BELANDA – PULAU PANGKOR

Seorang anak baru sahaja melayari internet. Tiba-tiba, Din beralih kepada ibunya Mak Lijah yang sedang melipat baju.....

Din: Ibu.....tengoklah ni.....Anwar Ibrahim kata, negara kita didalangi pemimpin-pemimpin yang korup serta zalim!

Mak Lijah: Kamu Din, dari mana datangnya maklumat tu.....?

Din: Dari Internet – Ni hah, You Tube.

Mak Lijah: Dari mana pulak datangnya Internet, You Tube tu pulak Din ooooo...

Din: Apalah mak ni...ke situ pulak soalnya.

Mak Lijah: Iyelah Din..oooo. Kalau tak kerana kerajaan zalim Barisan Nasional, mana marinya pulak Internet, You Tube, Jalur Lebar.....engkau ni Din... percaya sangat dengan si Anwar Ibrahim tu...

Din: Tapi, mak...si Anwar tu kan dah kena fitnah, konspirasi, dituduhmacam-macam.

Mak Lijah: Eh...Din kau jugak yang kata, Anwar cakap kerajaan kita ni zalim..korup. Itu bukan fitnah namanya.... jugak. Si Anwar tu pulak, kalaulah benar dia di fitnah, kenapa tak bersumpah je di masjid?

Din: Sumpah masjid?

Mak Lijah: Eh Din, kalau benar Anwar tu ulama, kalau kena fitnah, dia sabo.....ujian Allah namanya bukan melenting dan maki hamun orang di jalanan. Macam Nabi Allah Yusuf a.s, kena fitnah, dipenjara.... sabo...aje dia.....akhirnya terbukti kebenaran....

Din: Betul jugak cakap mak ni....

Mak Lijah: Dahlah Din.....Engkau ni pelajar MARA. Dah termakan budi kerajaan. Esok dah kerja nanti jangan lupa pulak berbakti kepada negara.

Din: Iyelah Mak...

PENGENALAN

Mengundi atau membuang undi adalah satu tanggungjawab besar bagi semua rakyat Malaysia. Proses mengundi itu sendiri adalah satu proses pemilihan. Bagaimana kita membuat pilihan ini?

Rakyat Malaysia, rata-rata tidak terlatih dengan cara pemikiran kritikal atau sistematik. Kita mudah dipengaruhi lebih-lebih lagi orang-orang Melayu kerana budaya cakap dengar. Cakap dengar atau *hearsay* adalah satu perbuatan yang diminati oleh orang-orang Melayu kerana ia tidak memerlukan usaha untuk berfikir. Seseorang itu hanya perlu dengar dan jikalau apa yang didengar itu sedap didengar, maka segala hal yang diucapkan itu akan dipercayai bulat-bulat. Siapa yang berucap adalah lebih penting daripada apa yang diucapkan. Apa yang diucapkan akan diterima bulat-bulat hanya semata-mata si pendengar suka kepada calon yang bercakap atas pelbagai sebab.

Cakap dengar adalah maklumat yang dikumpul oleh seseorang dan disampaikan kepada orang lain berkenaan sesuatu keadaan, tempat, isu atau permasalahan dimana orang yang mengucapkan hal tersebut, tidak mempunyai pengalaman sebenar tentang hal yang dibincangkan dan ucapan tidak disusuli dengan bukti. Cakap dengar jika digunakan sebagai bahan bukti di dalam mahkamah, maka kenyataan tersebut tidak akan diguna pakai. Adalah menjadi satu budaya di Malaysia, di mana pemimpin parti-parti pembangkang menggunakan cakap dengar sebagai hujah bagi membenarkan kenyataan mereka. Rakyat, rata-rata terus mempercayai cakap-cakap dengar ini yang mana pada akhirnya hanya akan menghancurkan Negara Malaysia kita ini.

Antara lain, tujuan buku ini ditulis adalah sebagai panduan kepada pengundi-pengundi Malaysia supaya dapat dielak masuk ke dalam budaya cakap dengar ini. Di dalam kita membuat pilihan, adakah benar pemilihan yang kita buat ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak? Adakah benar pilihan kita adalah pilihan untuk diri kita atau untuk generasi akan datang? Adakah pilihan kita berdasarkan fakta atau berdasarkan perasaan? Pepatah Melayu “*ikut rasa, binasa*”! dan “*menang sorak, kampung tergadai*”! Tujuan buku ini ditulis adalah bagi menerangkan, bagaimana kita sepatutnya membuat pilihan tatkala sampai hari mengundi kelak. Buku ini menerangkan, antara lain proses membuang undi pada amnya dan secara terperinci memberi panduan bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia, membuat pilihan yang tepat berdasarkan fakta serta keperluan-keperluan semasa.

PERTIMBANGAN YANG PERLU SEBAGAI PENGUNDI?

Apakah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membuat keputusan untuk memilih mana-mana parti politik yang diwakili calon-calon yang ditawarkan. Apakah “track record” calon serta segala bentuk usaha yang dibawa oleh calon tersebut di dalam membawa kemakmuran dalam kehidupan serta kualiti hidup yang dijamin bagi kawasan yang diwakilinya? Apakah perkara-perkara penting yang harus dipertimbangkan di dalam membuat pilihan bagi mengundi sesorang calon dari mana-mana parti politik?

Tanggungjawab sebagai pengundi adalah tanggungan yang serius. Memangkah logo parti yang dipilih adalah satu proses yang mudah. Namun implikasi hasil daripada proses memangkah itu adalah amat besar kesannya yang berkemungkinan

menentukan hala-tuju kehidupan generasi masa hadapan. Kita perlu bertanya kepada diri kita samaada kita benar-benar faham akan proses demokrasi. Apakah makna demokrasi berparlimen? Apa itu pilihanraya? Apa makna parlimen, dewan negara dan dewan rakyat? Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan DUN dan ADUN? Siapa itu wakil rakyat dan tugas-tugas wakil rakyat? Istilah-istilah ini akan dibincangkan dan diterangkan secara terperinci dan akan menjadi kefahaman kepada semua pengundi. Kefahaman ini akan membantu pengundi di dalam membuat keputusan bijak tatkala datangnya hari mengundi. Selain daripada istilah diatas, pengundi juga harus faham perbezaan antara politik dan pentadbiran? Sebagai pengundi, apakah harapan kita terhadap wakil-wakil rakyat yang kita pilih. Adakah kita mengharap mereka ini untuk berpolitik atau mentadbir? Bagaimana pula untuk kita mengetahui apakah hak kita ke atas wakil rakyat yang kita pilih jika kita tidak mengetahui perbezaan antara politik dan pentadbiran?

Hasil daripada kupasan di atas, maka dapatlah diterangkan dan dikaitkan perhubungan antara politik dan pentadbiran awam dan gambaran tentang hubung kaitannya pula dengan wakil rakyat sama ada ahli parlimen atau ahli DUN? Ini akan memberikan kefahaman tentang peranan dan tugas wakil-wakil rakyat di negara ini.

Apa itu politik?

Proses oleh sekumpulan orang membuat keputusan bersama didefinasikan sebagai politik. Istilah ini pada amnya diguna pakai kepada seni atau ilmu mentadbir kerajaan atau menguruskan negeri. Ianya juga merujuk kepada perilaku kerajaan awam (civil government). Walau bagaimanapun, politik juga merujuk kepada interaksi yang melibatkan kumpulan-

kumpulan bukan politik di dalam perebutan kuasa dan hak yang meliputi badan-badan koperat, akedemik dan keagamaan. Perkataan politik berasal daripada bahasa Greek “πολιτικός”, yang membawa makna “*berkenaan rakyat*”.

Tetapi, bagi orang awam, politik membawa makna yang lain. Rata-rata rakyat Malaysia, tidak gemar akan berpolitik kerana ianya bertentangan dengan adat dan budaya orang-orang Melayu, Cina dan India yang mementingkan adat bersopan-santun. Politik bagi orang awam bermakna, perbalahan oleh dua atau lebih pihak berkenaan dengan perkara-perkara bersabit parti-parti politik atau berkenaan isu-isu yang membabitkan pentadbiran kerajaan. Ini adalah fahaman yang sebenarnya dipelopori oleh parti-parti pembangkang yang sentiasa berbalah tanpa fakta berkenaan perkara-perkara remeh yang tidak membawa faedah bersama.

Politik parti pembangkang tidak berkisar kepada perjuangan membela rakyat dan usaha memperbaharui kemajuan yang telah dicapai oleh kerajaan Barisan Nasional. Tetapi pada hematnya, tujuan parti-parti pembangkang Malaysia adalah semata-mata berpolitik, iaitu mencari salah dan silap kerajaan memerintah walaupun pada hematnya, apa yang dibangkang adalah baik untuk rakyat. Sebagai contoh, Anwar Ibrahim memperlekehkan Gagasan 1Malaysia dengan menyamakan konsep tersebut dengan 1Israel. Mana mungkin 1Malaysia sama dengan 1Israel kerana Israel tidak mempunyai masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Objektif utama gagasan 1Malaysia adalah bagi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan penerapan teras-teras perpaduan dan penerapan nilai-nilai aspirasi. Teras perpaduan duduk di atas tiga prinsip iaitu penerimaan kepelbagaian kaum dan menerima kesemua perbezaan ini, kenegaraan iaitu konsep semangat nasionalisme dan cinta negara manakala yang terakhir

adalah prinsip keadilan sosial iaitu memberikan kebajikan dan aspek-aspek sosial yang penting secara adil tanpa mengira latar belakang atau agama. Manakala nilai-nilai aspirasi duduk di atas lapang nilai iaitu budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, budaya ilmu, integriti, ketabahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi. Ini adalah contoh jelas dimana parti pembangkang berfahaman bahawa politik atau berpolitik itu membawa makna kepada mengutuk segala perancangan kerajaan walaupun perancangan membawa kebaikan kepada rakyat manakala politik kepada parti kerajaan bermakna membawa pembaharuan di dalam pentadbiran lebih daripada sekadar berpolitik kutuk mengutuk di tepi jalan atau politik secawan kopi pahit.

Apa itu pentadbiran awam?

Pentadbiran awam adalah urusan pentadbiran iaitu urusan gabungan penggunaan sumber-sumber yang disediakan iaitu sumber manusia, kewangan, tempat, jentera-jentera dan lain-lain bagi melaksanakan kehendak-kehendak kerajaan yang terkandung di dalam pelan tindakan kerajaan ataupun polisi yang juga dipanggil dasar-dasar. Pentadbiran awam juga adalah urusan yang termasuk di dalam melatih dan menyediakan penjawat awam di dalam melaksanakan tugas bagi melaksanakan kehendak kerajaan. Di antara definisi-definisi yang lain adalah pengurusan program-program awam, terjemahan politik ke dalam bentuk realiti yang zahir pada pandangan rakyat seperti menyediakan prasarana dan infrastruktur untuk kegunaan rakyat, kajian membuat keputusan bagi pihak rakyat, analisa polisi dengan mengkaji segala input dan output di dalam proses kajian polisi tersebut dan lain-lain lagi definisi.

Secara ringkas, pentadbiran awam adalah jentera kerajaan yang dilatih dan disediakan bagi melaksanakan segala pelan tindakan dasar-dasar kerajaan. Maka di sinilah mutu pentadbiran sesebuah kerajaan di nilai. Penilaian kepada kerajaan yang memerintah haruslah berpaksikan kepada perkhidmatan yang telah atau masih lagi disediakan kepada rakyat. Urusan-urusan ini memerlukan fokus di mana kerajaan yang memerintah tidaklah boleh terlibat dengan politik kepartian yang tidak stabil kerana ini akan menyebabkan kerajaan yang memerintah hilang fokus dengan urusan pentadbiran awam kerana terlalu ghairah berpolitik.

Jika jentera pentadbiran awam cekap, terlatih serta profesional, semua urusan pentadbiran kerajaan dapat berjalan dengan lancar dan kualiti kehidupan rakyat dapat terjamin. Kita ambil contoh di Pulau Pinang, selepas tahun 2008, kerajaan negeri diambil alih oleh parti pembangkang dari Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat telah menggunakan jentera pentadbiran awam peninggalan kerajaan Barisan Nasional yang telah terlatih sejak tahun 1957. Maka tidak hairanlah jentera pentadbiran awam tersebut dapat berkhidmat dengan baik walaupun dibawah pentadbiran kerajaan negeri yang baharu. Namun apa yang dibimbangkan, adakah jentera pentadbiran awam ini dapat membawa pembaharuan kepada rakyat dengan polisi-polisi baharu daripada kerajaan negeri baru ini masih lagi kabur. Tindakan-tindakan penguatkuasa Majlis Perbandaran Tempatan Pulau Pinang yang bersifat perkauman telah merosakkan kredibiliti kerajaan negeri yang telah memberi hala tuju kepimpinan yang tidak profesional kepada suatu jentera pentadbiran yang cekap peninggalan kerajaan Barisan Nasional yang tidak mengamalkan dasar penguatkuasaan perkauman. Ini adalah contoh terdekat perbezaan diantara politik kepartian dengan politik melalui perlaksanaan dasar-dasar yang membawa kebaikan kepada rakyat.

Apa itu demokrasi berparlimen?

Demokrasi berparlimen adalah merujuk kepada demokrasi perwakilan dimana kerajaan dilantik oleh rakyat yang diwakili wakil-wakil parlimen daripada Dewan Rakyat. Kerajaan sebenarnya adalah diwakili oleh sebuah delegasi daripada wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh Perdana Menteri daripada Dewan Negara atau Dewan Rakyat untuk menjadi ahli di dalam Kabinet. Pada dasarnya demokrasi berparlimen juga disebut sebagai corak pentadbiran demokrasi berpelembagaan atau lebih dikenali sebagai kuasa daripada rakyat yang perlu disah dan digunakan oleh kerajaan serta Parlimen untuk kepentingan rakyat. Kemenangan parti-parti politik tertentu dengan majoriti mudah akan menentukan jawatan Perdana Menteri yang dilantik haruslah daripada parti berkenaan. Sistem demokrasi berparlimen Malaysia membahagikan pembahagian kuasa kepada tiga bahagian dalam pemerintahan iaitu perundangan, kehakiman dan pentadbiran (Kabinet) atau badan eksekutif.

Apa itu Raja Berpelembagaan?

Menurut Perlembagaan Persekutuan, kuasa pemerintahan terletak di tangan Yang Di-Pertuan Agong. Namun, Perdana Menteri dan Kabinetnya yang menjalankan kuasa eksekutif atas nama Yang Di-Pertuan Agong dan YDPA pula menjalankan tugas-tugas secara simbolik.

Apa itu Negara Persekutuan?

Negara Persekutuan merupakan sistem pemerintahan yang mewujudkan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan terdiri daripada gabungan

negeri yang membentuk kerajaan pusat yang kuat tanpa mengeneipkan hak-hak kerajaan negeri.

Siapa itu “Wakil Rakyat”?

Mengikut definasi, wakil-wakil rakyat sama-ada untuk kerusi Parlimen atau kerusi Dewan Undangan Negeri di pilih oleh rakyat dalam satu latihan demokrasi menjelang pilihanraya umum yang diadakan 5 tahun sekali.

Bila kita memilih wakil rakyat, kita sebenarnya memilih seorang pemimpin yang dapat mewakili kita di dalam menyuarakan keperluan kita kepada kerajaan yang merupakan suara kita di dalam pentadbiran politik. Wakil rakyat perlu mempunyai kebolehan serta keterampilan yang boleh menjalankan tugas pentabiran masalah kita untuk diketengahkan kepada Dewan Negeri atau Parlimen. Kita memilih wakil rakyat bukan memilih parti politik. Tetapi wakil rakyat perlukan sokongan parti, yang dapat membantu wakil rakyat dari segi sokongan jentera sumber manusia serta “networking” yang membolehkan wakil rakyat berkhidmat kepada rakyat dengan berkesan.

Antara ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada kepada wakil rakyat adalah?

- Wakil rakyat perlu memahami keperluan asas penduduk setempat.
- Perlu faham kaedah analisa SWOT.. dalam menilai kawasan DUN atau Parlimen masing-masing. SWOT Analysis mengambil pendekatan memahami setiap S – Strength / Kekuatan / W – Weakness / Kelemahan / O- Opportunity / Peluang dan T-Threat – Ancaman di kawasan masing-masing.

- Wakil rakyat perlu mempunyai sistem maklum balas yang cekap di dalam menguruskan kawasan masing-masing.
- Wakil rakyat haruslah mempunyai PR – Public Relations dengan seluruh penduduk yang berbilang bangsa dan harus ada EMPHATY iaitu sifat dapat menjiwai hasrat rakyat yang mereka wakili.
- Wakil rakyat sepatutnya kurang berpidato tetapi harus cekap dalam urusan pentadbiran di dalam menyelesaikan semua masalah rakyat dengan cara yang sistematik dan pragmatik.
- Wakil rakyat perlu arif di dalam menstrukturkan suasana serta perlu jelas dengan segala perancangan yang bakal ditunaikan bagi membawa pembaharuan kepada kawasan-kawasan yang mereka wakili.
- Wakil rakyat bertindak sebagai ‘peace maker’ di dalam menyatukan rakyat dan mengawasi keseluruhan kelakuan rakyat di kawasan yang diwakili dengan sering memberi maklumat-maklumat yang membantu rakyat memahami segala perancangan kerajaan untuk mereka.
- Wakil rakyat harus menerangkan segala dasar-dasar serta polisi-polisi kerajaan kepada rakyat di kawasan yang diwakili bagi mengelakkan segala salah faham yang mungkin berlaku hasil daripada ketiadaan maklumat yang mencukupi atau maklumat tidak sampai kepada rakyat disebabkan jaluran perhubungan terputus antara rakyat dan pentadbiran kerajaan.
- Wakil rakyat yang dipilih haruslah disokong oleh kerajaan yang memerintah bagi memudahkan wakil rakyat mendapatkan bantuan kerajaan memerintah untuk perkara-perkara yang melibatkan pembangunan bagi kebaikan rakyat di kawasan yang diwakili.

- Wakil rakyat perlu ada tanggapan sosial yang jelas di mana beliau amat memahami segala kehendak serta aspirasi rakyat di kawasan yang diwakilinya.
- Wakil rakyat perlu mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi di mana kelulusan akademik yang bersesuaian perlu ada bagi tujuan memudahkan wakil rakyat menjalankan tugas memahami tanggung jawab sebagai seorang pemimpin, mengeluarkan idea-idea yang bernas di dalam menangani masalah-masalah rakyat serta berkebolehan mencetuskan satu revolusi pemikiran rakyat yang mampu mendidik rakyat memahami segala kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan bagi kebaikan rakyat di kawasan yang diwakili.
- Wakil rakyat perlu mempunyai emosional yang stabil serta tidak boleh mempunyai kepentingan peribadi melebihi kepentingan rakyat. Perjuangan wakil rakyat adalah perjuangan rakyat bukan perjuangan peribadi atau perjuangan kekeluargaan.
- Wakil rakyat perlu berwawasan. Wawasan tersebut perlu kepada tenaga untuk direalisasikan dan dari tenaga datang keupayaan untuk melaksanakan apa sahaja yang dijanjikan.
- Wakil rakyat juga perlu memainkan peranan di dalam melaksanakan lima peranan utama seorang wakil rakyat iaitu:
 1. Peranan dalam aspek politik
 2. Peranan dalam aspek pembangunan
 3. Peranan dalam aspek sosio-ekonomi
 4. Peranan dalam aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi
 5. Peranan dalam aspek kemasyarakatan dan agama

DEBAT RAKYAT KEDUA

LATARBELAKANG WANG TEPUS – KUALA NERANG, KEDAH

Pak Man menuang kopi untuk Amran yang baru masuk kedai untuk minum petang dengan membawa laptop. Amran anak saudara Pak Man, balik untuk cuti semester di kampung.

Pak Man: Hai Amran.....hang ni nampak canggih dengan komputer riba ni... Nampak kemaih semacam

Amran: Ni zaman IT Pak Man, kita tak boleh tertinggal. Nanti kita jadi macam katak bawah tempurung

Pak Man: Betui kata hang tu Amran. Tak sia-sia bapak hang hantak hang pi sekolah tinggi-tinggi

Amran: Ni Pak Man, cek nak cerita sikit ni. Pak Man dengaklah ni.... Pilihan Raya Umum ke 13 nak dekat dah. Kali ni kita kena tukaq kerajaan zalim kita ni....

Pak Man: Hang ni biak betui. Pasai apa nak tukaq kerajaan kita ni pulak Amran?

Amran: Tu lah Pak Man, orang kampong tau apa. Dok kena tipu sahaja dengan wakil rakyat Barisan Nasional. Depa tu semua dok sapu duit...dok sapu projek untuk

"Kenapa Barisan Nasional Perlu Menang PRU-13" adalah sebuah prediksi berasaskan fakta dan kemelut politik semasa terhadap keputusan pilihanraya ke 13 dimana, semua sebab-sebab kenapa BN pasti menang pilihanraya ke 13 ini dikupas bagi tujuan memberi peluang kepada pengundi-pengundi menggunakan buku ini sebagai rujukan bagaimana membuat pilihan yang tepat pada pilihanraya ke 13 kelak. Buku komprehensif ini mencakupi pelbagai pandangan serta memuatkan jawapan-jawapan kepada semua isu-isu dalaman dan luaran yang dibawa oleh pihak pembangkang yang pasti memberi impak besar kepada para pengundi muda khususnya dan masyarakat umum, amnya.

Di dalam kita membuat pilihan, adakah benar pemilihan yang kita buat ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak? Adakah benar pilihan kita adalah pilihan untuk diri kita atau untuk generasi akan datang? Adakah pilihan kita berdasarkan fakta atau berdasarkan perasaan? Pepatah Melayu "ikut rasa, binasa"! dan "menang sorak, kampung tergadai"! Selain pada itu buku ini ditulis juga bagi menerangkan, bagaimana kita sepatutnya membuat pilihan tatkala sampai hari mengundi kelak. Buku ini menerangkan, antara lain proses membuang undi pada amnya dan secara terperinci memberi garis petunjuk bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia, membuat pilihan yang tepat berdasarkan merit, fakta dan maklumat yang sah.

Parti pembangkang berfahaman bahawa politik atau berpolitik itu membawa makna kepada mengutuk segala perancangan kerajaan walaupun perancangan-perancangan tersebut membawa kebaikan kepada rakyat manakala politik kepada parti kerajaan bermakna membawa pembaharuan di dalam pentadbiran lebih daripada sekadar berpolitik kutuk mengutuk di tepi jalan atau politik secawan kopi pahit.

Buku ini boleh dijadikan "Hand-Book" bagi petugas-petugas jentera-jentera pilihanraya bagi menghadapi rakyat yang memerlukan penjelasan yang mudah tetapi tepat berkenaan dengan apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum membuat keputusan untuk menunaikan tanggung-jawab di dalam latihan demokrasi di pusat-pusat pengundian.